

Bangunan pejabat pos yang tidak digunakan lagi.



Prasarana masih terpinggir

Kemudahan masjid baru dan hakisan pantai perlu diberi perhatian serius

SEBILANGAN besar penduduk masih mengharapkan beberapa keperluan kemudahan prasarana dapat diberi perhatian termasuk kemudahan balai raya, mahu tapak pejabat pos dibuka semula dan jalan raya dinaik taraf.

Ketua Kampung Pekan Jeram, Abdullah Ismail berkata, disebabkan pejabat pos ditutup dan dipindahkan, penduduk terpaksa keluar ke Sungai Buloh atau Bukit Rotan bagi urusan berkaitan manakala kemudahan jalan sempit sering menimbulkan kesesakan terutamanya pada hujung minggu.

"Nasib baik pekan ini ada stesen minyak, jika tiada pasti mereka terpaksa keluar jauh ke pekan untuk isi minyak. Sebagai pemimpin kampung, tentulah saya harap pekan Jeram yang seolah-olah terpinggir ini berubah wajah. Sudah berpuluh-

puluh tahun kawasan ini tidak dinaik taraf termasuk baik pulih rumah kedai usang, hanya bangunan masjid baru tersergam indah sebagai satu projek baru di kawasan ini.

"Tidak dinafikan, deretan kedai lama hanya beberapa peniaga sahaja yang beroperasi manakala yang lain sudah tutup. Kalau boleh bangunan kedai dibangunkan semula dan diberi nafas baru. Kita tidak mahu imej daerah ini terjejas gara-gara tiada pembangunan dibawa ke kawasan ini. Jika dibangunkan, pasti ia mampu beri persepsi baru kepada pelancong yang melalui jalan ini untuk ke Kuala Selangor," katanya yang turut difahamkan isu masjid masih belum selesai.

Isu lama dibangkit semula

Selain isu pembangunan, penduduk Pekan Jeram turut mem-

bangkitkan isu kemudahan masjid yang masih belum sempurna termasuk bekalan elektrik sering terputus jika lampu pagar dihidupkan sekali gus menimbulkan persoalan.

Masjid masih baru itu mempunyai banyak masalah termasuk retak di sekeliling bangunan. Meskipun, kerja baik pulih pernah dilakukan, ia masih belum dapat memuaskan hati kariah.

Setiasaha Jawatankuasa Masjid Pekan Jeram, Mat Ani Bardoon, 59, berkata, kerja baik pulih termasuk pembinaan rumah tangki sedutan air bagi mengatasi masalah tekanan bekalan air rendah pernah dilakukan, namun masih terdapat banyak kerosakan kecil yang perlu diberi perhatian.

Mat Ani turut membangkitkan isu parkir yang sebelum ini dipandang remeh segelintir pihak kerana ketiadaan tempat letak kereta mencukupi menimbulkan masalah kepada pengunjung dan kariah terutamanya pada Jumaat dan hujung minggu.

katanya, apabila hal itu diajukan ia dianggap remeh sedangkan masih ada ruang boleh digunakan sebagai parkir. Selain itu hasrat jawatankuasa masjid yang mahu masjid lama dirobohkan untuk dibina bangunan serbaguna masih terbantut.

"Kami difahamkan hasrat untuk merobohkan masjid di bantah oleh pihak yang mahu menjadikannya sebagai salah satu peninggalan warisan di daerah ini. Jadinya kita masih bingung memikirkan tapak baru memandangkan peruntukan untuk membina dewan serbaguna sudah pun diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika turun padang ke Jeram pada Ramadan lalu," katanya.

Kemudahan gelanggang futsal terabai

Timbalan Nazir Masjid, Saharuddin Sahi, 62, berkata, pihaknya memohon pihak berkenaan supaya dapat melihat kemudahan tandas dan futsal bersebelahan masjid yang serba kekurangan dan perlu kerja baik pulih.

"Ramai belia dan remaja bermain futsal di kawasan ini setiap petang dan aktiviti seperti itu dapat mendekatkan mereka dengan masjid. Jika dibaik pulih, pasti makin ramai akan datang meluang masa dengan aktiviti berfaedah. Selain itu, laluan keluar masuk Jalan Pantai Jeram perlu dilebarkan kerana kesesakan sering dilaporkan berlaku terutamanya pada hujung minggu. Saya yang mahu ke masjid pun lambat bila jalan sesak dengan kereta parkir di kiri dan kanan bahu jalan. Kalau boleh, susur simpang masuk ke masjid dicat kuning bagi mengelakkan kereta melaluinya ketika jalan sesak sekali gus mengurangkan kesesakan.

"Susur keluar ke kiri jalan menghala ke Kuala Selangor juga perlu dilebarkan kerana sekarang



Tapak masjid lama yang dicadangkan untuk pembinaan dewan serbaguna tetapi mendapat bantahan.



Masjid baru yang memerlukan kerja baik pulih bagi kerosakan kecil.



ABDULLAH



MAT ANI



SAHARUDDIN



FAIZAL



AMIRUDDIN

ini, hanya satu laluan keluar ke Klang. Selain itu, kalau boleh kedai di atas rizab sungai dipindahkan kerana sering menyebabkan kesesakan," katanya.

Hakisan semakin teruk

Lain pula ceritanya di Pantai Remis apabila fenomena hakisan pantai terus menimbulkan kebimbangan pengunjung di setiap minggu sempena musim cuti sekolah berikutan kesukaran meronda kawasan pantai menaiki kereta.

Seorang pengunjung, Ibrahim Selamat, 34, berkata, hakisan semakin serius apabila jalan yang diturap sebelum ini rosak teruk terutama berhampiran pesisiran pantai.

Katanya, peniaga dan penjaja makanan turut mengadu keadaan itu menyukarkan untuk meniaga di tapak yang sama kerana semakin hari ia semakin teruk.

Katanya, bau busuk dari kawasan pembuangan sampah bersebelahan kedai makan turut menjadi rungutan pengunjung apabila sampah di biar

berselerak meskipun tong sampah besar disediakan.

Jalan pantai terputus

Bagi penduduk, Faizal Ibrahim, 32, dia turut bimbang melihat keadaan jalan berturap sebelum ini terputus akibat hakisan sekali gus menyukarkan pengunjung meronda di sepanjang kawasan pantai menggunakan kereta.

"Hakisan itu menyukarkan mereka melalui pesisiran pantai untuk ke Sungai Sembilang melalui Jalan Khailani bagi mengelakkan kesesakan di laluan utama. Keadaan di kawasan pesisiran pantai cukup berbeza jika dibandingkan dahulu. Sebelum ini kedudukan lebih luas dan mudah untuk pengunjung parkir di sepanjang pantai jika kawasan parkir penuh.

"Kini saya lihat semua sudah berubah dan hakisan semakin serius sehingga peniaga jual makanan di tepi pantai terpaksa beralih tempat," katanya.

Sebelum ini penduduk dan pe-

niaga dimaklumkan mengenai pelbagai pendekatan yang diambil pihak berwajib bagi menangani isu ini. Peruntukan RM2.5 juta yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) telah banyak membantu membaik pulih isu hakisan di Sungai Kajang, Tanjung Karang yang turut mengalami nasib serupa manakala permohonan mendapatkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) juga dibuat.

Sinar Harian difahamkan, pemantauan berkala dilaksanakan jabatan berkaitan bagi memastikan keadaan hakisan terbabit tidak menjejaskan lokasi tumpuan pelancong itu.

Respons Adun Jeram

Adun Jeram, Datuk Amiruddin Setro menjelaskan, secara dasarnya pihaknya merancang pelbagai projek prasarana bagi memajukan Pekan Jeram termasuk mewujudkan sebuah Pasar Moden Fama. Namun, menerima banyak halangan dari segi tapak dan pemilikan tanah.

"Banyak perancangan termasuk pembinaan masjid baru. Namun, hanya dapat dibina ketika pentadbiran PR kerana kerajaan negeri berkuasa dari segi tanah untuk meneruskan projek itu. Banyak yang dirancang untuk pembangunan penduduk, namun kita buntu kerana sering berdepan masalah tapak. Meskipun, kita menang di Dun Jeram dan Parlimen Kuala Selangor, pucuk pimpinan masih di bawah PR.

"Namun, kita bersyukur menerima peruntukan RM1.5 juta yang diluluskan perdana menteri bagi pembinaan dewan serbaguna dan pusat komuniti di kawasan tapak yang boleh memuatkan tiga gelanggang badminton. Kini dalam proses akhir penentuan tapak di kawasan sesuai sebelum gerak kerja dilaksanakan seperti dijanjikan," katanya.

Mengulas isu hakisan Pantai Remis, pihaknya sebelum ini pernah mengemukakan perancangan membangunkan Pantai Remis menjadi pusat pelancongan berpotensi me-

mandangkan lokasinya strategik.

"Namun, hakisan yang dilaporkan semakin teruk. Jika tiada kerja pengukuhan tebing oleh pentadbir negeri seperti mana yang disarankan sebelum ini, tidak mustahil menjadi lebih serius. Kita sedia maklum kawasan pesisiran pantai di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jika mereka memandang berat isu ini, saya yakin ia dapat diselesaikan.

"Tidak kiralah Dun Jeram di bawah BN, kerajaan negeri tidak boleh lepas tangan apabila masalah itu melibatkan bidang kuasa mereka kerana rakyat perlu didahulukan dan ketepikan karenah birokrasi," katanya yang akan membangkitkan isu sama pada Sidang Dun nanti.


Amiruddin menjelaskan, jika rakyat teliti isu pencemaran air yang berlaku sebelum ini sehingga menjejaskan hampir 1 juta pengguna bekalan air bersih, Syabas pula dipersalahkan sedangkan kalau diperhalusi, urusan urus tadbir sungai adalah di bawah kerajaan negeri.



Deretan kedai lama yang hampir roboh.



Bangunan kedai yang uzur didakwa menjejaskan pemandangan pekan Jeram.



Hakisan pantai di Pantai Remis semakin teruk.